

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 17 MEI 2016

*** SOALAN :**

YB Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jawatan-jawatan sensitif dalam perkhidmatan awam dan berapa ramai pemegang jawatan sensitif itu yang ditukar pada tahun ini serta apakah bentuk pembaharuan yang diperkenalkan untuk memastikan perkhidmatan awam kita bertambah cekap, bertanggungjawab dan bersih.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawatan yang diklasifikasikan sebagai jawatan sensitif dalam perkhidmatan awam adalah jawatan yang dibekalkan dengan kuasa dan :

- I. terlibat secara langsung dengan pelanggan semasa menguatkuasakan undang-undang;
- II. terlibat secara langsung dengan pelanggan semasa memproses sesuatu permohonan yang boleh menghasilkan pulangan kewangan atau apa-apa bentuk habuan;
- III. penyandang dikehendaki menjalankan tugas membuat bayaran kepada atau membuat kutipan hasil daripada pelanggan; dan
- IV. penyandangnya membuat keputusan berdasarkan kepada pertimbangan budi bicara sama ada seseorang itu layak atau tidak layak mendapat sesuatu, atau telah/tidak melanggar sesuatu peraturan atau undang-undang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga April 2016, seramai 238 pemegang jawatan sensitif dalam perkhidmatan awam Persekutuan telah ditukar ke jawatan lain.

Bagi memastikan perkhidmatan awam bertambah cekap, bertanggungjawab dan bersih, Kerajaan telah melaksanakan perkara-perkara berikut:

- I. penjawat awam yang dilantik perlu melalui tapisan keselamatan;
- II. penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam peringkat Persekutuan dan Negeri berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2013;
- III. memperkenalkan *Integrity Pact* dalam usaha membendung rasuah dalam perolehan Kerajaan;
- IV. melaksanakan urusan audit oleh Unit Audit Dalam di setiap Kementerian dan agensi Kerajaan sebagai kawalan dalaman;
- V. menubuhkan Jawatankuasa Siasatan bagi teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk mempercepatkan proses siasatan dan tindakan tatatertib; dan
- VI. mengambil tindakan tegas iaitu dengan mengenakan tindakan tatatertib, surcaj atau pertuduhan rasuah/ jenayah di mahkamah ke atas pegawai didapati melakukan salah laku atau kecuaiian melalui Lembaga Tatatertib atau pihak yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.